

Ismail Sabri, Hsien Loong adakan pertemuan di Tokyo

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri yang dalam rangka lawatan kerja rasmi ke Jepun, semalam mengadakan pertemuan empat mata dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong di Imperial Hotel, Tokyo.

Kedua-dua mereka dijadual menyampaikan ucapan pada Persidangan ke-27 Nikkei Future of Asia di Tokyo bertemakan *Redefining Asia's Role in a Divided World*, bersama beberapa ketua negara yang lain, hari ini.

Ini lawatan pertama Ismail Sabri ke Jepun selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada 21 Ogos lalu, lawatan paling berprofil tinggi ke negara Matahari Terbit itu selepas lebih dua tahun susulan sekatan perjalanan disebabkan COVID-19.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya, Fumio Kishida yang baru memegang ja-

watan itu Oktober lalu dalam lawatannya.

Pertemuan itu akan memberi peluang Malaysia dan Jepun membincangkan inisiatif bagi mengukuhkan lagi hubungan sedia ada dan kolaborasi pelbagai bidang, selain saling bertukar pandangan berhubung kepentingan ketenteraman antarabangsa dan kestabilan serantau.

Agenda utama pertemuan dua pemimpin itu, termasuk memperingati Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur dan kerjasama pasca COVID-19.

Perdana Menteri juga dijadual bertemu pemimpin korporat dan ahli perniagaan terkemuka beberapa syarikat Jepun bagi menarik kehadiran lebih banyak pelaburan asing.

Dalam lawatannya, Ismail Sabri antara lain turut dijadual menghadiri Persidangan Antarabangsa ke-27 Mengenai Masa Depan Asia serta perhimpunan



Ismail Sabri bersama Hsien Loong mengadakan pertemuan di Tokyo, semalam.

(Foto BERNAMA)

tahunan pemimpin politik, ekonomi dan ketua industri dari rantau Asia Pasifik atas jempitan Nikkei Inc.

Menurut kenyataan Wisma Putra sebelum ini, Malaysia dan Jepun akan menandatangani memorandum kerjasama dalam

tiga bidang membabitkan industri pesawat udara, pekerja mahir serta belia dan sukan ketika lawatan Perdana Menteri.